

## **SET 1**

### **BAHAGIAN B**

[30 markah ]

#### **Soalan 21**

*Pilih perkataan yang paling sesuai untuk diisi pada tempat kosong dalam petikan yang diberi.*

|      |        |          |        |
|------|--------|----------|--------|
| pada | untuk  | dari     | kepada |
| di   | kerana | daripada | ke     |

1. Aktiviti unit beruniform penting \_\_\_\_\_ dapat membentuk disiplin diri.
2. Rumput yang terkumpul itu segera diberikan \_\_\_\_\_ kepada lembunya.
3. Borang permohonan biasiswa itu boleh diapati \_\_\_\_\_ Kementerian Pendidikan.
4. Rozi menampal jadual waktu kelas \_\_\_\_\_ papan kenyataan.

[ 4 markah ]

#### **Soalan 22**

- a. *Tulis ayat tanya yang paling sesuai bagi jawapan yang diberi.*

Ayat tanya:

---

---

Jawapan : Sebagai rakyat yang mengenang budi, kita perlulah berpadu tenaga untuk menjayakan dasar dan program yang direncanakan oleh para pemimpin.

[ 2 markah ]

b. Tulis dialog yang sesuai bagi watak di bawah.



c. Soalan berikut berdasarkan gambar di bawah.



[ 2 markah ]

Nyatakan peribahasa yang sesuai berdasarkan gambar di atas.

---

---

[ 2 markah ]

### Soalan 23

Baca petikan di bawah, kemudian jawab soalan-soalan yang berikutnya.

Rumah-rumah yang bertiang tinggi merupakan perkara biasa di perkampungan nelayan, terutamanya di Kampung Air. Kebanyakan penduduknya terdiri daripada kaum Cina dan pendatang dari Filipina. Rumah-rumah papan itu luas dan moden. Ini menunjukkan penduduknya tergolong dalam golongan pertengahan.

Menangkap ikan merupakan pekerjaan utama di perkampungan air tetapi tidak di Kampung Air. Rata-rata penduduk kampungnya bekerja sebagai tukang kayu, tukang elektrik, tukang paip, manakala selebihnya bekerja di pejabat kerajaan atau swasta. Mereka tinggal di Kampung Air ini kerana mereka sukakan suasana di tepi laut. Bagi mereka, memancing ikan sekadar kegemaran sahaja oleh sebab laut di muka pintu rumah mereka.

Suatu masa dahulu kampung-kampung air di Sandakan ini amat kotor. Apabila bandar Sandakan membangun, kerajaan mengambil langkah-langkah tertentu untuk mengubah wajah kampung-kampung air itu. Kampung ini dimodenkan oleh kerajaan dengan menyediakan pelbagai kemudahan asas.

Adakah kewujudan kampung-kampung air kerana masalah kekurangan tanah? Negeri Sabah tidak mempunyai masalah dalam hal ini. Sebab utama mungkin kerana cukai tanah yang tinggi di negeri itu. Oleh sebab itu adalah lebih murah mendirikan rumah-rumah di atas air. Kedua, kehidupan di perkampungan air lebih sihat. Udaranya bersih, tidak mengalami kesesakan lalu-lintas dan bebas daripada pencemaran.

- a. Pekerjaan utama penduduk di perkampungan air ialah \_\_\_\_\_.

[1 markah]

- b. Mengapakah wujudnya kampung-kampung air di negeri Sabah?

---

---

---

---

[2 markah]

- c. Padankan pernyataan di bawah berdasarkan petikan. Satu daripadanya telah ditunjukkan sebagai contoh.

Kampung air wujud akibat kekurangan tanah di Sabah

BETUL

Kampung air itu mempunyai kemudahan elektrik dan air

Menangkap ikan bukan bukan pekerjaan utama penduduk Kampung Air

SALAH

Rumah-rumah di Kampung Air bertiang tinggi

[2 markah]

## Soalan 24

Baca petikan di bawah , kemudian jawab soalan-soalan yang berikutnya.

Pada zaman dahulu, ada sebuah tempat di negeri Selangor telah didatangi oleh enam orang pemuda yang berdagang.

Enam orang anak muda itu amat rajin bercucuk tanam. Mereka mengerjakan sawah. Selain itu, mereka juga mengambil nira kelapa untuk dijadikan gula. Pada mulanya, nira kelapa itu diusahakan oleh mereka secara kecil-kecilan sahaja. Namun, oleh sebab kerajinan mereka, maka dapatlah mereka mengumpulkan nira yang sangat banyak. Keenam-enam orang anak muda itu berfikir bagaimana hendak memasak air nira kelapa yang banyak itu.

“Bagaimana kita hendak memasak air nira kelapa yang banyak ini? Kita mesti *cari jalan* supaya air nira kelapa ini tidak rosak begitu sahaja,” kata seorang pemuda kepada rakan-rakannya.

“Kita mesti masak air nira kelapa ini menggunakan kawah. Kita tidak boleh lagi menggunakan kuali. Kita mesti membuat sabak,” cadang salah seorang daripada pemuda itu.

Keenam-enam orang pemuda itu mulalah membuat sabak. Mereka mengorek tanah untuk membuat lubang. Setelah lubang itu siap, mereka mula meletakkan kayu api di dalam lubang itu. Akhirnya, siaplah sabak yang dibuat oleh enam orang pemuda itu. Dapatlah mereka memasak nira menggunakan kawah. Penduduk kampung kagum akan kebijaksanaan pemuda-pemuda itu.

Demikianlah akhirnya orang di kampung itu turut membuat sabak untuk memasak nira kelapa masing-masing. Jika mereka mengadakan kenduri, mereka juga memasak nasi dan gulai dengan menggunakan dapur sabak. Akhirnya, banyaklah sabak yang ada di tempat itu. Tempat itu akhirnya dikenali dengan nama Sabak Berenam yang diambil sempena asal sabak yang dibuat oleh enam orang pemuda tersebut.

- (a) Rangkai kata *cari jalan* dalam petikan boleh juga digantikan dengan perkataan

---

[1 markah]

- (b) Apakah tujuan enam orang pemuda itu membuat sabak?

---

---

---

[2 markah]

- (c) Pada pendapat kamu, mengapa semangat kerjasama perlu dalam masyarakat?

---

---

---

[2 markah]

- (d) Bagaimanakah semangat kerjasama dapat dipupuk dalam kalangan masyarakat?

---

---

---

---

[3 markah]

## Soalan 25

Baca pantun di bawah ini, kemudian jawab soalan-soalan yang berikutnya.

Atas para si kacang parang,  
Tumbuh rendah sulur berpaut;  
Minta pelihara terumbu karang,  
Agar indah alam laut.

Kacang sepat lebat bercadung,  
Memanjang lukah menjalar tanah;  
Karang tempat habitat berlindung,  
Usah diserakah jangan dimusnah.

Pacak taut pikat si tapah,  
Umpam bersaksi si burung bayan;  
Di karang laut rezeki melimpah,  
Baik dikongsi bersama nelayan.

Ikan parang si ikan bawal,  
Selar papan disambar helang;  
Cemar karang tidak dikawal,  
Kelak hidupan tinggal menghilang.

Ke sana ke sini bergerak perlahan,  
Tampak alga cantik terkesan;  
Terumbu ini anugerah Tuhan,  
Baik dijaga sebagai warisan.

- a. Apakah maksud yang hendak disampaikan bagi rangkap pertama pantun di atas?

---

---

---

[2 markah]

- b. Nyatakan satu nilai murni yang terdapat dalam pantun.

---

[1 markah]

- d. Tandakan (✓) bagi pernyataan yang betul dan (✗) bagi pernyataan yang salah berdasarkan pantun tersebut.

|   |  |
|---|--|
| Batu karang punca rezeki utama bagi para nelayan. |  |
|---|--|

|   |  |
|---|--|
| Kita hendaklah melindungi habitat hidupan laut. |  |
|---|--|

[1 markah]

Cemar karang tidak dikawal,  
Kelak hidupan tinggal menghilang.

- d. Terangkan maksud baris-baris pantun di atas.

---

---

---

[3 markah]

# SKEMA

## Set 1

Bahagian B

### **SOALAN 21**

1. oleh
2. pada
3. dalam
4. dari

### **SOALAN 22**

- a. Apakah yang perlu dilakukan sebagai rakyat yang mengenang budi.
- b. Baiklah mak, saya akan berusaha untuk belajar bersungguh-sungguh.
- c. – melentur buluh biarlah daripada rebungnya.  
- Merdu bak buluh perindu

\* Idea-idea lain yang berkaitan boleh diterima.

### **SOALAN 23**

- a. menangkap ikan / nelayan
- b. - cukai tanah yang tinggi di negeri Sabah  
- kehidupan di perkampungan air lebih sihat  
- tidak mengalami kesesakan lalu lintas  
- bebas daripada pencemaran

c.

Kampung air wujud akibat kekurangan tanah di Sabah

Kampung air itu mempunyai kemudahan elektrik dan air

Menangkap ikan bukan pekerjaan utama penduduk Kampung Air

Rumah-rumah di Kampung Air bertiang tinggi

BETUL

SALAH

### **SOALAN**

- a. menyelesaikan masalah / menyelesaikan sesuatu / ikhtiar / berusaha

- b. untuk memasak air nira kelapa dalam kuantiti yang banyak/memasak menggunakan kawah kerana kuantiti air nira kelapa yang banyak
- c. (Jawapan berserta huraian)
  - pupuk semangat perpaduan
  - Kerja yang berat menjadi ringan
  - Kerja lebih cepat dapat disiapkan
  - Mengeratkan silaturahim
- d. (Jawapan berserta huraian)
  - Mengadakan aktiviti gotong-royong
  - Lawatan / ziarah-menziarahi
  - Kawalan / rondaan keselamatan penduduk
  - \* Idea-idea lain yang berkaitan boleh diterima

### **SOALAN 25**

- a. Kita hendaklah memelihara terumbu karang negara agar keindahan hidupan laut terus terpelihara.  
 \* Idea-idea lain yang berkaitan boleh diterima.
- b. -menghargai alam  
 - berhemah tinggi  
 -bersyukur  
 -bertanggungjawab  
 - cinta akan alam sekitar  
 - baik hati
- c.
 

|   |   |
|---|---|
| Batu karang punca rezeki utama bagi para nelayan. | X |
|---|---|
- d.
 

|   |   |
|---|---|
| Kita hendaklah melindungi habitat hidupan laut. | √ |
|---|---|

Sekiranya pencemaran terumbu karang tidak dikawal, hidupan laut akan pupus / mati.  
 \* Idea-idea lain yang berkaitan boleh diterima.